

BUGIS DI KEDAH 1600-1800: SUATU TINJAUAN AWAL

Jasni bin Ahmad

Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK: Suku Bugis merupakan satu kuasa pedagang besar pada abad ke-17 di Nusantara. Sehingga hari ini, kebanyakan raja-raja dan pemimpin besar di Malaysia adalah dari keturunan Bugis. Walaupun bilangan mereka tidaklah banyak tetapi mempunyai kuasa politik yang meluas. Mereka mempunyai falsafah hidup sendiri iaitu *siri dan passe* yang membuatkan mereka mempunyai jati diri yang tinggi. *Siri* adalah konsep dalam budaya orang Bugis tentang kekuatan jati diri dan unsur malu yang berkaitan dengan maruah dan harga diri melalui kata-kata "lebih baik mati demi mempertahankan *siri*" dibandingkan dengan sebuah kehidupan yang tidak mempunyai *siri*. *Passe* pula adalah kepercayaan yang berteraskan kesatuan rohani pada individu. Kekuatan ikatan persaudaraan dianggap sangat penting demi membela komuniti mereka. Kebanyakan orang Bugis diasuh dengan ilmu berdagang, belayar dan merantau sejak kecil. Falsafah merantau bagi mereka adalah berbekalkan konsep 'tiga hujung,' iaitu hujung lidah(diplomasi), hujung badik(perang) dan hujung kemaluan(perkahwinan). Terdapat banyak faktor yang menyebabkan orang-orang Bugis merantau di seluruh Nusantara. Antaranya adalah disebabkan penaklukan Belanda ke atas Sulawesi menyebabkan suku Bugis bergerak keluar mencari penempatan baharu. Daeng Relekek ialah salah seorang putera Bugis yang berhijrah telah membawa anak-anaknya iaitu Opu lima beradik merantau hingga ke Tanah Melayu sebelum beliau mangkat di Siantan. Opu lima bersaudara tersebut terdiri daripada Daeng Parani, Daeng Menambun, Daeng Merewah, Daeng Chelak dan Daeng Kemasi. Mereka berjaya memperoleh tampuk pemerintahan di rantau Tanah Melayu dan mempunyai hubungan dengan kerajaan Kedah. Daeng Parani adalah abang yang sulung bagi adik-beradik tersebut. Beliau pernah berkahwin dengan kerabat diraja Kedah dan mangkat di Kedah akibat peperangan. Melalui penyelidikan, makamnya dapat dikesan terdapat di kampung Lubok Ekor, Sidam dalam daerah Kulim. Di situ juga terdapat beberapa kelompok orang Bugis. Dianggarkan sekitar 500 keluarga mendiami sepanjang sungai Muda yang mengairi kampung tersebut. Dikatakan juga terdapat generasi ke-8 dan ke-7 keturunan Daeng Parani di pertempatan tersebut. Selain itu, terdapat juga kampung yang diberi nama Sintok Bugis berhampiran Kuala Muda, Kedah. Waktu serangan Bugis, dikatakan kampung tersebut digunakan untuk merawat pahlawan Bugis yang tercedera.

KATA KUNCI: Bugis, pedagang, keberanian, penaklukan, penempatan baharu.

1.0 PENGENALAN

Kajian mengenai sejarah kedatangan masyarakat Bugis ke Alam Melayu, khususnya ke Kedah sebenarnya bukanlah suatu fenomena sejarah yang baharu. Dalam masyarakat Bugis, belayar, mengembara, berdagang dan merantau merupakan suatu tradisi utuh dalam kehidupan mereka. Sebagai suku bangsa yang terkenal dalam aktiviti pelayaran, pelaut Bugis telah mengembangkan suatu kebudayaan maritim sejak beberapa abad yang lalu. Perahu-perahu mereka dari jenis *phinisi* dan *lambo* telah mengharungi perairan Nusantara untuk berdagang dan merantau. Istilah "*sompe*" (belayar) dalam masyarakat Bugis juga bererti merantau sebagai faktor pemangkin dalam kalangan mereka untuk meninggalkan kampung halamannya sekiranya mereka merasa tertekan.¹

¹Menurut Soehartoko, *pasonipe'* adalah proses pemindahan penduduk Wajo ke luar Sulawesi Selatan dengan tujuan merantau, mencari pengalaman hidup dan kehidupan baru di daerah lain dengan berlayar. Lihat Soehartoko, *Merantau Bagi Orang Wajo " Makassar: Ringkasan Penelitian*, Pusat Latihan Penelitian Umu-IImu

Terjadinya penghijrahan besar-besaran pada abad ke-17 dan awal abad ke-18 di kalangan masyarakat Bugis Sulawesi Selatan. Mereka telah berhijrah ke Sumbawa, Lombok, Bali, Jawa, Sumatera, Borneo dan Indragiri Riau serta Alam Melayu.² Kedatangan masyarakat Bugis ke Alam Melayu dalam jumlah yang besar berlaku pada zaman Kolonial Belanda, iaitu pada suku akhir abad ke-19 dan berterusan sehingga masa sekarang. Kebanyakan masyarakat Bugis telah memilih rantau Melayu sebagai destinasi penghijrahan. Mereka telah meneroka dan membina petempatan di beberapa kawasan di rantau Melayu untuk mempertahankan kerajaan dari serangan musuh Kolonial Belanda. Peranan mereka sebagai peneroka hutan dan pembinaan petempatan luar desa adalah antara aspek yang penting dalam sejarah Riau. Sehubungan dengan itu, artikel ini akan membincangkan tentang kedatangan masyarakat Bugis di Kedah, berikutan sejarah singkat mengenai hubungan Kedah dan Bugis dari tahun 1600 hingga 1800.

2.0 LATAR BELAKANG KEDATANGAN BUGIS DI TANAH MELAYU

Kedatangan orang Bugis ke Tanah Melayu juga disebabkan oleh sifatnya yang suka mengembara atau merantau. Orang Bugis sejak berabad-abad terkenal mempunyai jiwa perantau. Sifat seperti ini tergambar dalam karya agung sastera Bugis iaitu rangkaian cerita yang dikenal dengan nama *La Galigo* yang antara lain menggambarkan pengembaraan tokoh mitos Bugis yang mengelilingi lautan dengan perahunya yang luar biasa. Sehubungan dengan itu, sekurang-kurangnya mulai abad ke-16, peranan orang Bugis dan Makasar dalam perdagangan maritim se-Nusantara menjadi makin penting. Bahkan dalam masyarakat Bugis juga ada istilah yang dikenal dengan nama '*sompe*' yang bererti "berlayar" juga membawa makna merantau.

Siri merupakan unsur teras dalam setiap individu Bugis. Tidak ada satu nilai yang berharga untuk dibela dan dipertahankan di muka bumi ini selain daripada *siri*' kerana *siri*' adalah jiwa, harga diri dan martabat mereka.³ Kepentingan *siri*' sebagai pembangkit semangat keberanian kaum lelaki dapat difahami melalui ungkapan yang diistilahkan dengan *siri masiri*. Konsep *siri masiri* bermaksud keadaan seseorang yang berasa aib akibat kesalahan sendiri atau nasib yang menimpanya. Selaku ketua keluarga pihak lelaki bertanggungjawab dalam menentukan masa depan dan nasib keluarganya. Pemulihan *siri*' oleh orang yang merasa aib itu harus dilakukan dengan bekerja keras tanpa mudah menyerah kalah untuk merubah nasibnya menjadi lebih baik. *Siri*' juga membangkitkan semangat keberanian masyarakat Bugis terutama di kalangan kaum lelaki agar tidak mudah mengenal istilah mundur atau menyerah kalah dalam mengatasi setiap cabaran.

Semangat inilah yang membakar jati diri lelaki Bugis sehingga menjadikan mereka sebagai pelayar yang handal dan berjaya mengembangkan kebudayaan maritimnya. Hal inilah yang menjadi salah satu faktor pendorong utama orang Bugis untuk pergi merantau memperbaiki kehidupannya kerana dengan status ekonomi yang lebih baik seseorang dapat meningkatkan identiti sosialnya. Demi menegakkan *siri*' di mata masyarakat, mereka memberikan pengorbanan terhadap apa yang dicintai, meninggalkan isteri, anak dan keluarga, kampung halaman dan lain-lain. Selain faktor dalaman tersebut terdapat juga faktor luaran sebagai faktor penarik dari Tanah Melayu itu sendiri, terutama sejak pertengahan abad ke-19, di mana kegiatan ekonomi mulai giat dijalankan di Tanah Melayu. Pihak Inggeris telah memberikan peluang yang luas kepada sesiapa yang ingin membuka tanah. Bahkan pemerintah Johor juga menggalakkan kedatangan perantau-perantau Nusantara untuk kemajuan kerajaan Johor. Ada juga yang menyokong penaklukan tersebut dan memperoleh bantuan yang diperlukan. Salah seorang adalah Daeng Rilekek yang merupakan kerabat diraja Bugis-Luwu di Sulawesi Selatan dan memperoleh dana dari bapa saudaranya yang beroleh pangkat sebagai gabenor di wilayah Sulawesi. Dana tersebut berupa kelengkapan untuk belayar.

Sosial Universitas Hasanuddin, 1971, hal. 27. Lihat juga Andi Ima Kesuma, *Migrasi & Orang Bugis: Penelusuran Kehadiran Opu Daeng Rilaka Pada Abad XVI di Johor*, Yogyakarta: Ombak, 2004, hlm. 8.

² Rafiuddin Atkari Hj. Abdul Fattah, *Penghijrahan Masyarakat Bugis Ke Alam Melayu: Kajian Kes Bugis Di Indragiri Hilir Riau*, 2011, hlm 2.

³ Rafiuddin Atkari Hj. Abdul Fattah, *Penghijrahan Masyarakat Bugis Ke Alam Mlayu: Kajian Kes Bugis Di Indragiri Hilir Riau*, hlm. 9

Sehubungan dengan itu, jika diperhatikan semua alasan di atas, sebenarnya semua boleh dikaitkan dengan apa yang diungkapkan oleh keturunan perantau-perantau Bugis: “*di sana susah, di sini senang, di sana kerja lebih susah, di sini untung lebih banyak, di sana tidak ada peluang untuk menambah harta, di sini kita boleh menjadi kaya*”. Selain itu, cerita-cerita mengenai kehidupan yang lebih baik di Tanah Melayu merupakan antara faktor pemangkin kedatangan orang Bugis ke rantau ini. Di antara pemberita itu adalah orang-orang Bugis pemilik perahu atau nakhoda perahu layar yang telah turut serta dalam pengangkutan kuli Jawa ke Tanah Melayu. Mereka menyebarkan maklumat kepada keluarga mereka yang masih berada di Sulawesi atau yang sudah dalam perantauan tentang kesuburan Tanah Melayu, khasnya di Johor.

3.0 PENGARUH BUGIS DI KEDAH

Pertalian kerajaan Kedah dan Bugis bermula sejak tahun 1600 lagi. Sultan Muhyiddin Mansur Shah (Marhum Sena) mangkat pada tahun 1661 dan puteranya bernama Tunku Dhiauddin dilantik menjadi Sultan Kedah yang kelima belas bergelar Sultan Dhiauddin Mukarram Shah 1. Baginda bersemayam di istana Kota Sena. Isteri pertama baginda bernama Wan Jingga (Paduka Bonda) dan mempunyai seorang anak perempuan yang bernama Tunku Safura Negara. Isteri kedua baginda yang bernama Sepa Cendana mempunyai seorang putera bernama Tunku Ata' Allah. Sultan Dhiauddin Mukarram Shah 1 telah mengangkat Tunku Sulaiman Putera Tunku Muhammad Akib Raja Bendahara menjadi Temenggung bergelar Tunku Paduka Maharaja Temenggung Anggota Desa. Setelah Tunku Safura Negara dewasa, beliau dipinang oleh anak raja Bugis dari Makasar bernama Raja Juang Tawa dan berkahwin di Indera Kayangan (Perlis). Mereka dikurniakan seorang putera dan dinamakan Tunku Ngah Putera oleh Sultan Dhiauddin.

Pada tahun 1678 Raja Juang Tawa mangkat dan dikebumikan di Kota Indera Kayangan. Tidak berapa lama selepas itu juga Tunku Muhammad Akib Raja Bendahara pula mangkat dan dikebumikan di Kota Naga. Seterusnya mangkat pula Tunku Pengeran Raja Muda Kedah dan dikebumikan di Kota Naga Juga. Orang besar-besar Kedah, merasa bimbang jika takhta jatuh ke tangan anak raja Bugis lalu menabalkan Tunku Ata'Allah sebagai bakal Sultan Kedah. Tunku Ngah Putera berasa sakit hati lalu merajuk meninggalkan negeri Kedah pergi ke negeri Bugis di Makasar mengadu nasib pada datuk sebelah sana. Di Kedah, empat tahun setelah Tunku Ata' Allah dilantik bakal sultan, pada tahun 1682 seorang daripada adinda Sultan Dhiauddin, Datuk Padang Seri Jana telah cuba merampas takhta kerajaan negeri kedah. Beliau telah pergi ke Dinding (dalam negeri Perak) dan meminta kebenaran Belanda yang berada di Pulau Pangkor hendak menjadikan Dinding sebagai tempat berkumpul orang Bugis dari Selangor sebelum menyerang Kedah tetapi tidak diluluskan pihak Belanda.

Setelah sembilan tahun Tunku Ngah Putera berada di Bugis, pada Februari 1687, beliau telah membawa angkatan perang yang terdiri daripada orang Bugis yang diketuai Raja Taguk Kurnam. Mereka telah menyerang Kedah melalui sungai Merbok dan berlaku pertempuran dengan angkatan perang Kedah di sana. Pertempuran berlanjutan selama dua bulan dan akhirnya Raja Taguk Kurnam mati dibunuh pahlawan Kedah. Askar-askar Bugis lari dan berpecah belah lalu meninggalkan medan perang. Tunku Ngah Putera telah lari ke Bruas dan kemudian ke Kelang dan akhirnya ke Jeram (Selangor). Beliau dikatakan berkahwin di sana.

Menurut Buyong Adil dalam *Sejarah Kedah*, pada bulan Mei 1740, Sultah Kedah ketika itu, Sultam Muhammad Jiwa telah melantik Tunku Abdullah sebagai bakal sultan, Tunku Dhiaudin (Tunku Dewa) menjadi Raja Muda, Tunku Long Putera menjadi Raja Tanah, Tunku Anjang menjadi Raja Laut dan Wan Abdullah anak Sheikh Abdul Jalil digelar Seri Maharaja Putera Raja. Berlaku pertelingkahan sehingga menyebabkan Tunku Long Putera dan Tunku Anjang meninggalkan negeri Kedah membawa diri ke Jambi dan Tunku Long Putera berkahwin dan tinggal di sana. Manakala Tunku Anjang ke Pariaman, Minangkabau.

Pada tahun 1770, timbullah beberapa puak dalam negeri Kedah menentang sultan. Disebabkan telah berumur, pentadbiran kedah diserahkan kepada putera baginda iaitu Tunku Abdullah yang bergelar Yang Dipertuan Muda. Puak penentang meminta pertolongan daripada orang-orang Bugis yang ada di Selangor dan Perak secara sulit untuk menentang Sultan Kedah.⁴

⁴Buyong Adil, *Sejarah Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980, hlm.36.

Pada tahun 1771, angkatan perang Bugis telah tiba di Kuala Sungai Kedah. Di situ mereka bersatu dengan orang-orang Kedah menuju ke Alor Setar dan menawannya. Keadaan ini menyebabkan Sultan Kedah amat terkejut lalu pengsan. Baginda terpaksa dibawa ke Kangar. Keadaan ini amat mengejutkan kerana berlaku dengan tidak disangka-sangka. Setelah sedar, baginda mencari jalan bagi menghalang pemberontakan saudara dan rakyat yang derhaka tersebut. Baginda telah meminta bantuan orang Inggeris. Pada 18 Mac 1771, Sultan Muhammad Jiwa mengirim surat kepada Gabenor Jeneral Kompeni Inggeris di Madras menolong mengembalikan semula takhta dan menghalau askar-askar Bugis yang menyerang Kedah.

Askar-askar Bugis telah membakar bandar Alor Setar di samping merampas apa-apa barang yang berguna serta menebang mana-mana pokok besar yang ditemui. Sebuah tongkang orang Culia dari Koromandel berserta 300 meriam tembaga juga dirampas di Kuala Kedah. Pada 24 April 1771, utusan Kedah ke ke Aceh bersama dengan Kapten Francis Ligh yang membawa dua buah kapal, ubat bedil, senjata-senjata serta 30 orang askar Sepai. Rundingan telah diadakan dan Sultan Muhammad Jiwa membenarkan sebuah syarikat perniagaan orang Inggeris bernama Francis Jordain mendirikan sebuah gudang perniagaan di Kuala Kedah. Kapten Ligh mengaku akan memberi seratus orang askar sepai bagi menghalau musuh Sultan Kedah. Kesan pertolongan Inggeris, Sultan Muhammad Jiwa telah dapat mengalahkan askar-askar Bugis lalu berundur meninggalkan negeri Kedah.

4.0 KESIMPULAN

Bugis mempunyai matlamat tersendiri dalam menjelajah ke Alam Melayu. Melalui falsafah *tiga hujung*, mereka menyusun atur untuk memperoleh kuasa dan penempatan baharu. Malangnya di Kedah, mereka menemui kegagalan malah Daeng Parani selalu abang yang sulung terkorban dengan pahlawan-pahlawan Kedah yang dibantu oleh Raja Kecil dari Siak. Walau bagaimanapun, terdapat kesan peninggalan dan keturunan Daeng Parani di Kedah sehingga kini.

RUJUKAN

- Andi Ima Kesuma. 2004. *Migrasi & Orang Bugis*. Yogyakarta: Penerbit Ombak
- Buyong Adil. 1980. *Sejarah Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim Ismail. 2008. *Sejarah Kedah*. Kedah: Universiti Utara Malaysia.
- Rafiuddin Atkari Hj. Abdul Fattah. 2011. *Penghijrahan Masyarakat Bugis Ke Alam Melayu: Kajian Kes Bugis Di Indragiri Hilir Riau*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia .
- Raja Ali Haji. 1965. *Tuhfat al-Nafis, Sejarah Melayu dan Bugis*. Singapura: Malaysia Publication Ltd.
- Siti Hawa Salleh. 1998. *Hikayat Merong Mahawangsa*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Soehartoko. 1971. *Merantau Bagi Orang Wajo' Makassar: Ringkasan Penelitian*, Pusat Latihan Penelitian Umum-Ilmu Sosial Universitas Hasanuddin. 1971.